

BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 12 : Jun 2022

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

MINDA Pengerusi



Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli persatuan yang telah memberi kepercayaan kepada saya dengan melantik saya sekali lagi menjadi Pengerusi Persatuan PESARA Universiti Kebangsaan Malaysia bagi penggal ketiga, dalam Mesyuarat Agung Persatuan PESARA kesembilan yang diadakan pada 31 Mac 2022 yang lalu. In sya Allah, amanah ini akan saya jalankan sebaik mungkin dengan bantuan Ahli Jawatankuasa yang baru dilantik.

Pada kesempatan ini saya dan Ahli Jawatankuasa Pesara ingin mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga pesara UKM.

Alhamdulillah, setelah dua tahun pergerakan kita tidak bebas akibat pandemik Covid 19, selepas kawalan SOP Covid 19 dilonggarkan, maka pada tahun ini kita dapat menyambut hari raya seperti sebelumnya dengan dapat Solat Hari Raya Aidilfitri bersama kaum keluarga, sahabat handai dan ahli gariah dengan begitu meriah.

Syukur Alhamdulillah Majlis Jamuan Hari Raya anjuran Persatuan Pesara UKM dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas UKM telah dapat diadakan dengan meriahnya pada 18 Mei 2022 di Dewan Gemilang, UKM. Di samping dapat menikmati juadah yang disediakan diadakan juga majlis pelancaran buku, penyampaian sumbangan kepada para ahli yang kurang bernasib baik. Tidak kurang juga di Majlis ini ramai pesara yang mendaftar untuk menjadi ahli. Ternyata dengan adanya majlis sambutan ini hubungan silaturahim sesama ahli dan pihak pentadbir universiti berjalan dengan cukup mesra. Terima kasih kepada pihak pengurusan UKM yang membenarkan Dewan Gemilang digunakan untuk sambutan majlis ini.

Terima kasih kepada semua AJK Persatuan yang telah bertungkus-lumus menjayakan acara ini.

Pihak persatuan akan terus mengeratkan hubungan dengan barisan pemimpin Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah kepimpinan Pengerusi Lembaga Pengarah UKM YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd Razak dan Naib Canselor, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman. Sokongan berterusan kedua-dua tokoh ini dan barisan para pegawai lainnya adalah untuk kebaikan dan kebajikan para pesara UKM.

Akhir sekali, saya mengharapkan dalam kita menikmati kehidupan seperti sedia kala, kita juga perlu berhati-hati dan terus menjaga diri dengan lebih baik serta mematuhi apa yang telah ditetapkan oleh pihak pemerintah. Kita berdoa semoga Allah yang maha kuasa akan menamatkan wabak ini dengan segera. Marilah kita sama-sama berdoa agak kita semua terhindar daripada wabak ini dan terus bahagia hidup bersama keluarga dan rakan-rakan kita.

Terima kasih.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 9
31 Mac 2022; 9.00 pagi
Di Bilik Mesyuarat Senat
Aras 5, Bangunan Pentadbiran, UKM

Telah berlangsung dengan kehadiran seramai 35 orang ahli persatuan.

Telah melantik:

Pengerusi

Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr Anuwar bin Ali

Timbalan Pengerusi

Dato' Dr. Mohd. Wahid bin Samsudin

Setiausaha

Abd. Talib bin Harun

Penolong Setiausaha

Dato' Harun bin Bintang

Bendahari

Rosenaini@Rusnaini binti A. Saman

Lapan (8) lapan orang Ahli Jawatankuasa

Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din
Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad bin Yahaya
Dato' Dr. Ibrahim bin Jantan
Dr. Amran bin Ab. Majid
Dr. Kaswandi bin Md. Ambia
Dr. Misran bin Rokimin
Kamariah binti Mohd. Yusof
Salmah binti Kasmani

Juruaudit

Dr. Mansor bin Jusoh
Abd Rahman bin Madon

BIRO-BIRO

Biro Kebajikan

Dr. Amran bin Ab. Majid (**Ketua**)
 Dato' Harun bin Bintang
 Dr. Kaswandi bin Md. Ambia
 Dr. Mansor bin Jusoh
 Abd. Talib bin Harun
 Kamariah binti Mohd. Yusof
 Rosenaini @Rosnani binti A. Saman
 Salmah binti Kasmani

Biro Penerangan dan Penerbitan

Dr. Misran bin Rokimin (**Ketua**)
 Dato' Harun bin Bintang
 Abd. Raai bin Osman
 Salmah binti Kasmani

Biro Riadah dan Lawatan

Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad bin Yahaya (**Ketua**)
 Prof. Emeritus Dato Dr. Laily bin Din
 Dato Dr. Ibrahim bin Jantan
 Dr. Amran bin Ab. Majid
 Dr. Kaswandi bin Md. Ambia
 Abd. Rahman bin Madon
 Kamariah binti Mohd. Yusof
 Salmah binti Kasmani

AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN PESARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA SESI 2021-2023



Duduk dari kanan: Rosenaini @Rusnaini binti A. Saman (*Bendahari*); Dato Harun bin Bintang (*Penolong Setiausaha*); Dato' Dr. Mohd. Wahid bin Samsudin (*Timbalan Pengerusi*); Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Anuwar bin Ali (*Pengerusi*); Abd. Talib bin Harun (*Setiausaha*); Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad bin Yahaya (*Ketua Biro Riadah dan Lawatan*);

Berdiri dari kanan : Salmah binti Kasmani; Kamariah binti Mohd. Yusof; Dr. Amran bin Ab. Majid (*Ketua Biro Kebajikan*); Dr. Kaswandi bin Md. Ambia; Dato Dr. Ibrahim bin Jantan; Dr. Mansor bin Jusoh (*Juruaudit Dalam*); Dr. Misran bin Rokimin (*Ketua Biro Penerangan dan Penerbitan*); Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din

Tiada dalam Gambar : Abd. Rahman bin Madon (*Juruaudit Dalam*)

**Inti Pati Ucapan YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali.
Pengerusi Persatuan Pesara UKM
Pada Mesyuarat Agung Persatuan Pesara UKM ke-9
Khamis 31.3.2022 pukul 9.30am.**

1. Persatuan telah ditubuhkan pada 22.09.2010. Setakat ini seramai 427 orang pesara telah mendaftar sebagai ahli Persatuan. Namun begitu 14 orang tidak aktif dan 21 orang telah meninggal dunia. Kepada ahli yang telah berpulang ke rahmatullah kita ucapkan takziah semoga roh mereka ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan solehah. Aamiin.
2. Seharusnya Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ini dilaksanakan pada Mac 2021 yang lalu, namun terpaksa ditangguhkan kerana pandemik. Banyak aktiviti Persatuan yang tertangguh. Begitu juga urusan lawatan; ziarah keluarga ahli yang ditimpa musibah serta lain-lain aktiviti tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh pandemik. Namun begitu sumbangan kepada ahli yang ditimpa musibah masih dapat diteruskan seperti kematian, sakit. Persatuan juga berkesempatan memberikan sumbangan kepada ahli yang ditimpa musibah (seperti banjir baru-baru ini) dan juga sumbangan kepada petugas-petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) UKM bertempat di Dewan Gemilang. Sumbangan-sumbangan ini diterima daripada ahli persatuan.
3. Sepanjang tempoh penubuhan, telah berusaha sebaik mungkin bagi meningkatkan urusan kebajikan ahli khususnya dan juga tidak ketinggalan bekerjasama dengan pihak Pengurusan UKM, untuk memberikan khidmat berterusan demi meningkatkan kualiti pendidikan di UKM.
4. Terima kasih saya ucapkan kepada semua AJK persatuan, Biro Penerbitan dan Penerangan, Biro Riadah dan Lawatan, serta Biro Kebajikan yang telah melaksanakan tugas mereka dengan baik.
5. Begitu juga terima kasih kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE@UKM), yang banyak memainkan peranan dalam melaksanakan aktiviti berbentuk ceramah berkaitan dengan kesihatan, pemakanan, kegiatan berbentuk fizikal seperti riadah dan sebagainya. Semua itu dilakukan demi untuk para pesara.
6. Terima kasih kepada semua ahli Persatuan Pesara UKM, yang terus memberi sokongan padu kepada persatuan dengan turut serta dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.
7. Marilah kita sama-sama berusaha untuk mengangkat Persatuan Pesara ini agar menjadi lebih teguh dan mampu membela kebajikan para ahlinya agar terus dapat menjalani hidup berkualiti dan sempurna.

**SEBAHAGIAN GAMBAR-GAMBAR SEKITAR
MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KE-9
31 Mac 2022, Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori, UKM, Bangi**



LAPORAN BIRO-BIRO

Biro Kebajikan

Telah berpulang ke rahmatullah:

- Nazarudin bin Omar (Ahli no. PP0030) pada 28/4/2022
- Banhawi Mohamad (PP0192) pada 12/4/2022
- Dato Latifah Hj. Hassan (Ahli no. 395) pada 30/3/2022.
- Hadijah Md. Dewa (PP(PP0267) pada 23/2/2022
- Dr. Ibrahim Baba (Ahli no. PP0267) pada 21/1/2022

Kebanyakannya tidak berkesempatan untuk diziarahi kerana pandemik.
Menyampaikan sumbangan kepada ahli yang terkesan dengan bencana banjir.

Puan Radziah Ibrahim (PP0197)
Di Labu Lanjut. Ziarah pada 24 Dis., 2021



Puan Zainab Shamsudin (P0112)
Di Sg. Buah 27 Dis., 2021



Ziarah YB Dato Wira Omar Jaafar (PP0002)
4 Feb., 2022

Biro Riadah dan Lawatan

Lawatan Ke Pulau Banding - lihat , <http://www.gerik.gov.my> pada 25 Mac 2022.

25 Mac, Jumaat ,

Sampai di Pulau Banding , jam 5 petang , dan masuk ke rumah bot

26 Mac , Sabtu

0700 : sarapan

0800 : Ke pulau Gadong , - lihat rafflesia

1000 : *jungle tracking* , air terjun

1230: makan tengah hari ,solat zohor

1400 : Ke rumah orang asli

1500 : tanam pokok buah-buahan

1530 : sukan air

1900 : solat maghrib , BBQ



27 Mac Ahad

Berangkat pulang.

Walau bagaimanapun beberapa aktiviti tidak dapat dijalankan kerana kesuntukan masa tambahan perjalanan dari satu tempat ke satu tempat agak jauh. Terima kasih kepada Sdr. Ismail (mantan Jurugambar UKM) yang menguruskan lawatan ini.

Retreat ini amat menyeronokkan dan dapat melihat betapa indahnya kehijauan dalam dan kejernihan air Tasik Temenggor di negara kita.

Sewa sebuah rumah boat ialah RM2,800 (tidak termasuk makan). Dalam hal ini peserta dikenakan bayaran sejumlah RM400.00 setiap orang. Ini termasuk perbelanjaan bagi penginapan dan makan. Hanya 8 orang peserta sahaja yang turut serta di dalam aktiviti ini.

Ahli Yang turut serta

1. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad bin Yahaya
2. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din & isteri
3. Sdr. Abd.Talib bin Harun
4. Dr. Misran Rokimin dan isteri
5. Dr. Tusirin Mohd. Noor dan Isteri



Biro Penerangan dan Penerbitan

Pendahuluan.

Biro Penerbitan dan Penerangan berusaha menyiarkan sebarang maklumat yang difikirkan dapat memberi makluman kepada ahli Persatuan berhubung dengan berbagai perkara yang ada kaitan dengan universiti dan luar Universiti yang boleh dimanfaatkan bersama.

1. Buletin Persatuan Pesara UKM di terbitkan 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember.
2. Kandungan buletin melaporkan Semua aktiviti yang dijalankan di bawah Persatuan Pesara UKM termasuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Biro-biro Riadah dan Lawatan dan Biro Kebajikan serta aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan oleh Persatuan dari masa ke masa.
 - Dari Minda Pengerusi. Pandangan Pengerusi Persatuan PESARA UKM amat penting kerana pemikirannya boleh diambil iktibar untuk diikuti, kerana di dalamnya banyak unsur nasihat, menjalani hidup seimbang sebagai pesara, hubungan kekeluargaan, jiran tetangga dan sahabat handai.
 - Catatan aktiviti yang dilakukan oleh ahli Persatuan seperti penulisan buku (Memoir, Autobiografi, Biografi).
 - Sebagai merehatkan minda, Buletin ini juga menyediakan ruangan kreatif kepada para pesara yang berbakat seperti: Sajak, Pantun dan Syair.
 - Laporan ringkas aktiviti PAWE, UKM, seperti aktiviti ceramah kesihatan, pertanian, masakan yang sesuai untuk warga emas dan sebagainya yang disampaikan oleh para pensyarah Fakulti Perubatan, UKM, FSSK, UKM dan sebagainya.
 - Kemudahan perkhidmatan yang disediakan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) selain dari itu lain-lain kemudahan perkhidmatan perubatan dari pusat-pusat perubatan setempat yang boleh dimanfaatkan oleh ahli Persatuan.
 - Kemudahan-kemudahan perkhidmatan lain yang disediakan oleh UKM dan JPA dari masa ke masa.
 - Kemudahan-kemudahan dan berita-berita lain yang difikirkan boleh memberikan manfaat kepada ahli persatuan.
3. Buletin diedarkan secara maya kepada ahli. Boleh juga dicapai melalui sesawang persatuan www.ukm.my/pesara

Pihak Biro Penerbitan dan Penerangan sentiasa mengalu-alukan penyertaan para pesara dalam bentuk penulisan untuk disiarkan dalam Buletin Persatuan UKM.

MAJLIS HARI RAYA IDUL FITRI 2022 18 Mei 2022 di Dewan Gemilang, UKM

Majlis telah berlangsung dengan meriahnya. Selain dapat menyambung silaturahim, berbagai-bagai acara telah diadakan sempena dengan majlis tersebut, antaranya Majlis pelancaran buku Noramly Muslim : Bermulanya Era Baru Sains Orang Melayu yang disusun oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din dan Datin Dr. Zuriati Zakaria dengan ulasan buku oleh Prof. Emeritus Dato Dr. Muhamad Yahaya; penyampaian sumbangan kepada 10 orang ahli, jualan buku-buku terbitan ahli persatuan.

Seramai lebih dari 200 orang ahli persatuan dan pasangan serta tetamu khas/jemputan telah hadir di majlis tersebut. Seramai 34 orang ahli baru telah mendaftar pada hari tersebut. Majlis dihidangkan dengan juadah-juadah yang enak dan juga dengan kuih muih yang dibawa oleh sebahagian ahli persatuan.

Sebahagian Ahli Pengurusan Universiti juga hadir dan begitu juga ahli PAWE.

SEBAHAGIAN GAMBAR-GAMBAR MAJLIS HARI RAYA IDUL FITRI 2022



Untuk melihat gambar-gambar majlis sila layari:

Website Persatuan Pesara UKM : www.ukm.my/pesara di bawah GALERI

<https://www.facebook.com/groups/489086317867358/permalink/4830791370363476/?sfnsn=mo&ref=share>

<https://www.facebook.com/1283156665167491/posts/2221244234692058/>

Pelancaran Buku - <https://fb.watch/d484mQlpW/> (rakaman penuh pelancaran buku)



Ulasan Buku Noramly Muslim oleh Prof Emeritus Dato Dr Muhammad Yahaya. 18 Mei 2022

Bermulanya Era Baru Sains Orang Melayu , Suntingan Zuriati Zakari dan, Laily Din.

Saya telah diminta oleh Dr Zuriati dan Dr laily Din untuk memberi ulasan tentang buku ini dalam masa yang cukup singkat selama 4 hari. Saya telah membaca dan akan cuba memberi ulasan menurut pandangan saya sebagai seorang rakan sekerja. Saya ucap tahniah kepada Penyusun, Zuriati dan Laily, dalam masa yang singkat dapat menerbitkan buku ini, berdasarkan maklumat yang ada dalam simpanan dan temu bual maya dengan Noramly. Tajuk yang diberikan adalah “Bermulanya Era Baru Sains orang Melayu“.

Ini bererti sains di kalangan orang Melayu sudah ada, tetapi sebahagian besarnya dalam bidang pertanian dan biologi. Belum ramai anak Melayu yang menceburi sains dan teknologi (S&T), belum mencukupi critical mass. Buku ini mempunyai 10 bab setebal 200 muka surat, dan seperempat daripadanya adalah tentang latar belakang Noramly. Bermula daripada bab empat (4) dengan tajuk “apa kata rakan sekerja”, terdapat 40 sumbangan penulisan yang berkisar pada kesan, bantuan, dan hubungan penulis dengan Noramly. Sudah tentu banyak episod yang berulang ulang dan tumpang tindih kerana memoir ini melibatkan interaksi antara penulis dengan Noramly. Tujuan dan Bidang Buku ini adalah suatu memoir, atau cebisan riwayat hidup yang ditulis Zuriati dan Laily tentang Noramly. Ia memaparkan kisah hidup seorang ahli akademik yang mempunyai kedudukan tinggi di Universiti -

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Pembangunan (82-85). Memoir ini berkisar kepada tiga sumbangan Noramly dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat kepada masyarakat. Sumbangan terbesar Noramly dari sudut pentadbiran dan khidmat kepada masyarakat. Sebagai orang pentadbir utama di universiti, Noramly banyak terlibat dalam perancangan dan strategi membina universiti.

Memoir ini bertujuan memberikan suatu refleksi suka duka seorang pensyarah yang berkhidmat di zaman permulaan UKM, Perkhidmatan beliau di Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr. Ismail (PUSPATI), penyelidikan pertahanan, IAEA (International Atomic Energy Agency) juga diceritakan sepintas lalu. Memoir ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama;

a) *Kisah perjalanan hidup.*

Kebanyakan ahli akademik menjalani liku hidup yang sama. Bermula dengan Sekolah Melayu, sekolah menengah di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan setelah tamat ijazah sarjana muda dan Doktor Falsafah (PhD) di University of Western Australia (1961-1969), Noramly pulang berkhidmat sebagai pensyarah muda. Empat bab yang pertama, bermula tahun 1970, penulis menceritakan kegiatan Noramly di UKM, PUSPATI dan beberapa ekspedisi, kerana Noramly adalah seorang pencinta alam. Pengalamannya sebagai pensyarah muda, amat menarik. Sebahagian masa ditumpukan pada pentadbiran membantu kakitangan mencari tempat untuk melanjutkan pelajaran dalam MSc atau PhD. Matlamat utama pada masa itu adalah keluar negara, siapkan ijazah sarjana /PhD, pulang membantu mengajar, kerana UKM begitu terdesak sekali, kekurangan staf dalam bidang sains yang menguasai Bahasa Melayu. Sebab itu dalam Bab “apa kata rakan sekerja”, semuanya menghargai pertolongan Noramly dalam usaha mencari tempat dan menghantar mereka keluar negara.

b) *Sumbangan dalam pengajaran, penerbitan dan khidmat masyarakat .*

Setelah mendapat ijazah Ph.D dari University of Western Australia, Noramly dilantik sebagai pensyarah pada tahun 1969. Noramly banyak membuat perancangan bagaimana mendapatkan kakitangan akademik yang boleh mengajar sains dalam Bahasa Melayu secepat mungkin. UKM yang ditubuhkan atas tuntutan rakyat, yang ingin menjadikan sebagai sebuah universiti yang menggunakan Bahasa Melayu (BM) 2 dalam pengajaran untuk semua bidang, apakah strategi untuk mencapai tujuan ini i) pinjam pensyarah dari Indonesia yang mahir dalam BM mengajar sains dalam BM ii) hantar pelajar dan tutor keluar negara supaya mereka mempunyai Ijazah MSc/Phd dan pulang mengajar iii) Perbanyakkan pelajar sains yang masuk ke UKM melalui Program matrikulasi. Inilah yang dilakukan oleh gandingan pentadbir sains Dr Ghazali dan Noramly.

c) *Pandangan penyusun dalam kerjaya Noramly.*

Penyusun, amat terhutang budi pada Noramly kerana telah mengurus dan mendapatkan tempat untuk sambung belajar hingga ke ijazah PhD. Penyusun juga terlibat bersama Noramly dalam ekspedisi dan penyelidikan dalam bidang kimia sebatian semula jadi. Banyak kegiatan Noramly dalam bidang Nuklear dan diperakui di peringkat antarabangsa. Penyusun membuat kesimpulan bahawa Noramly merasa kesal, bila beliau meninggalkan UKM dan bersara penuh, tidak dapat merealisasikan hasratnya melihat Malaysia membina Logi Tenaga Nuklear. Kewujudan Jabatan Sains Nuklear di UKM sebagai pemangkin ke arah ini, juga tidak berperanan untuk mencapai hasrat ini.

Keaslian dan Nilai Akademik

Karya ini adalah suatu karya asli yang belum pernah diterbitkan di mana. Sebuah karya yang perlu direkodkan dalam perjuangan membina Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gaya Persembahan

Gaya persembahan biasa sahaja. Tidak ada episod yang sedih dan bersemangat. Mungkin penulis sengaja menghindari cerita yang sensasi di dalam memoir ini. Sebagai orang kuat di UKM sudah tentu banyak cerita sensasi yang dihadapi. Pembaca ingin melihat cerita suka duka Noramly semasa di UKM, PUSPATI dan di tempat lain beliau bertugas.

Kesan

Buku ini memberi kesan kepada pembaca kerana ia merekodkan pengalaman ahli akademik yang menyumbang sebahagian besar masanya, hampir 40% untuk pentadbiran. Seorang ahli akademik tidak boleh mengharapkan jawatan pentadbir untuk kenaikan pangkat. Buktikan yang ia memang banyak memberi sumbangan dalam bidangnya. Tetapi zaman tujuh puluhan agak berbeza, keutamaan adalah membina infrastruktur dan sumber manusia. Bab 10, bab terakhir adalah kesimpulan penyusun, setelah membaca semua makalah dalam bab “apa kata rakan sekerja”, Noramly telah mengubah landskap saintis Melayu. Ciri-ciri peribadi Noramly, merendah diri, tidak sombong, jaringan rakan sekerja menyebabkan Noramly amat dihormati. Noramly banyak memberi motivasi kerjaya kepada guru dan ibu bapak, pesanan, nasihat dan kesan penulis semasa berkhidmat di UKM selama 10 tahun sahaja. Penulis menghargai nilai-nilai murni kakitangan UKM, seperti kejujuran, sikap kekitaan, kepunyaan bersama dan bertanggungjawab. Kejayaan kakitangan adalah kerana nama UKM. Walaupun banyak kegiatan akademik berlaku semasa Noramly mentadbir UKM, melonjakkan nama UKM dan persepsi masyarakat terhadap UKM seperti universiti kampung, tiada penyelidikan, adalah cabaran terbesar pada masa itu.

Terbitan dalam Bidang yang Setanding

Penerbit UKM mempunyai siri memoir dan Biografi. Lebih daripada 30 memoir telah diterbitkan, di antara lain termasuklah A. Samad Ismail, Ahmad Boestamam, Mohamad Salleh Lamry, Zawawi Ismail. Latiff Muhammad. Penerbit Luar seperti SIRD (Strategic Information and Research Development Centre), memoir Syed Husin Ali, Kala Publisher - memoir Khoo, Kay Kim. Memoir Muhammad Yahaya, Burhanuddin Yeop Majlis, Misran Rokimin diterbitkan oleh Institut Terjemahan Negara (ITBM). Setiap satu memoir ini mempunyai pendekatan dan zaman yang berbeza. Ada yang memberi penumpuan pada kehidupan peribadi, perkembangan semasa berada di jabatan, tempat kerja dan penyelidikan dan penumpuan pada khidmat masyarakat. Ada buku tentang Noramly berjudul “Dato Dr. Noramly Muslim : Sumbangannya dalam Membangunkan Pendidikan Sains di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia”, karya Jahimin Asik @ Abd. Rashid and Marcus Jopony dan Sabihah Osman (2006), terbitan UMS telah menceritakan peranan Noramly, tetapi tidak selengkap memoir ini. Memoir ini agak berbeza kerana penulis utamanya adalah Zuriati dan Laily, anak murid Noramly yang ingin menunjukkan penghargaan pada gurunya dengan cara yang tersendiri.

Penutup

Buku ini akan menarik minat pembaca awam. Ada beberapa buku di pasaran tentang memoir ahli akademik yang ditulis sendiri tetapi memoir ini berkait rapat dengan peletakan asas UKM. Kenangan, jasa dan tenaga yang dicurahkan oleh Noramly untuk memperbanyak bilangan saintis Melayu.

**MAJLIS HARI RAYA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
31 MEI 2022, 9.00 PAGI DI DECTAR**



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat UKM bertemakan “UKM Beraya di Desa” yang diadakan pada 31 Mei 2022 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM Bangi.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti YBhg Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohamad Abd. Razak, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor YBhg. Prof. Dato’ Ts Dr. Mohd. Ekhwan Toriman, Timbalan-timbalan Naib Canselor, pengurusan tertinggi universiti, para alumni dan seluruh warga UKM.

Persatuan Pesara UKM juga turut di undang yang diketuai oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr Anuwar Ali, Pengerusi Persatuan dan beberapa orang ahli jawatankuasa.

Majlis juga diserikan dengan acara persembahan daripada ARTISUKMA dan penyanyi jemputan.

Turut diadakan termasuk acara penyerahan:

- agihan UKM SHAPE kepada setiap Fakulti dan PTJ yang terlibat untuk tahun 2021
- dividen konsultasi UKM Pakarunding
- sumbangan kepada 29 keluarga yang beragama Islam dan bertaraf asnaf dalam kalangan Orang Asal Sungai Buah
- sumbangan duit raya kepada 12 orang anak yatim di kalangan staf UKM berumur 18 tahun ke bawah.

PAWE (PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS)



PAWE UKM memenangi Anugerah Projek Intergenerasi Interaktif peringkat Negeri Selangor 2021
(Gambar Pengerusi PAWE Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin dan Abd. Talib bin Harun)

AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN

BENGKEL KELUARGA SIHAT CEGAH DEMENSIA

22 Januari 2022

Di Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas

Oleh

Dr. Mohd. Fairuz Ali; Fakulti Perubatan, UKM

PM Dr. Khadijah Alawi; FSSK,UKM

Dr. Ponnusamy Subramaniam; H-CARE FSSK, UKM

KURSUS MENJAGA PESAKIT DEMENSIA

PAWE dengan kerjasama H-CARE FSK dan PERSATUAN PESARA UKM

14-17 Feb., 2022; 2.30 – 4.30 petang

Platform Google Meet

KURSUS MENJAGA PESAKIT DEMENSIA

Kursus berlangsung pada 14-17 Feb., 2022 secara dalam talian bermula 2.30-5.00 petang.


Kandungan

Peranan dan Cabaran Menjaga Pesakit Demensia	Dr. Mohd. Fairuz Ali
Penjagaan Pemusatan Insan, Sokongan Sosial dan Penjagaan Jangka Panjang	PM Dr. Khadijah Alawi dan Dr. Ponnusamy Subramaniam
Penjagaan Diet	Prof. Dr. Suzana Shahar dan Dr. Nurul Huda Razali
Aktiviti Hidup Harian, Aktiviti Fizikal dan Senaman	Prof. Dr. Devinder Kaur Ajit Singh dan Dr. Dzalani Harun
Perundangan : Perubatan dan Keagamaan	Dr. Wan Nasrudin Wan Abdullah dan Dr. Mohd. Zamre Mohd. Zahir

AKTIVITI 10,000 LANGKAH

26 Feb., 2022 di Taman Tasik Cempaka

PENERBITAN



MEMOIR Noriah Mohamed
 Jangan Bening Sambel Lombok
 Oleh YBhg. Datuk Noriah Mohamed

Perjalanan hidup Dr., Noriah Mohamed yang mesra di panggil kak Nong. Ia ditulis mengikut kronologi bermula dari zaman kanak-kanak di Sabak Bernam yang membentuk peribadi hasil asuhan sosialisasi nenek dan datuknya yang berasal dari Jawa yang berterusan hingga kini iaitu rajin, pandai mengurus rumah tangga, rapi dan prihatin dengan nasib saudara mara dan orang sekitarnya. Maju dalam bidang pelajaran memberi peluang beliau belajar di sekolah terkenal Sekolah Tun Fatimah dan mengikuti Pendidikan Perguruan. Akhirnya menjadi antara pelajar angkatan kedua Universiti Kebangsaan Malaysia hingga menjadi tenaga pengajar di Alma Maternya itu dengan pengkhususan Sastera Tradisional Melayu, Sastera dan Bahasa Jawa. Beliau menghasilkan banyak buku kajian sebagai sarjana dan pakar rujuk dalam bidang-bidang tersebut. Kepakarannya membuktikan dengan penglibatannya dalam pelbagai seminar sama ada di dalam negara dan antarabangsa. Akhir sekali beliau muncul sebagai wanita moden yang berjaya membawa peranan sebagai isteri, ibu dan sarjana yang terpapar dalam Memoir ini.

Dr. Rosnah Baharudin


Memoir gambaran seorang wanita moden: isteri, ibu, nenek, berkerjaya dan ahli masyarakat. Melalui perjalanan hidup sejak zaman kanak-kanak hingga melalui hari-hari persaraan mewarnai hidupnya yang pelbagai telah diluahkan oleh pengarang. Rasa suka duka, pahit manis diluahkan melalui tulisan prosa dan diselitkan juga dalam bentuk puisi seperti syair dan sajak. Segala rasa yang menjengkelkan, rasa kesal, rasa amarah dan rasa syahdu yang menusuk melalui puisi-puisinya yang banyak menggunakan perlambangan dan imejan yang memerlukan penghayatan untuk memahaminya. Di sinilah bijak fikir pengarang agar ada orang yang tidak terasa hati. Justeru membawa Memoir ini seperti menyatukan kombinasi antara Jangan Bening yang segar bila dihirup dan Sambel Lombok yang pedas bila dicolek, sangat enak walaupun terasa pedas namun jangan beninglah yang menyeimbangkan nikmatnya.

Dr. Misran Rokimin.

340ms. Terbitan Aras Mega. @RM50.00(RM5.00 untuk Tabung Kebajikan, Persatuan Pesara, UKM).

NORAMLY MUSLIM : BERMULANYA ERA BARU SAINS ORANG MELAYU

Oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din dan Datin Dr. Zuriati Zakaria



Buku ini mengisahkan perjuangan Profesor Emeritus Datuk Dr. Noramly Muslim. Setelah Noramly tamat pengajian PhD dalam bidang Biokimia di Australia dan kembali ke Malaysia untuk bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau merasa kecewa kerana terdapat segelintir sahaja bilangan ahli sains Melayu pemegang ijazah PhD. Jumlah ini tidak mampu untuk menjalankan program sains sebuah Universiti yang bahasa pengantarnya ialah Bahasa Melayu. Beliau mengatur strategi untuk mencari ahli sains Melayu yang menjadi guru sekolah, yang sedang menuntut kursus sains di Universiti tempatan dan luar negara dan

memujuk mereka untuk meneruskan pelajaran ke peringkat Sarjana dan PhD dan menjanjikan mereka pekerjaan di UKM. Beliau berusaha mencari wang pembiayaan, tempat pengajian serta menguruskan pelepasan perjanjian dengan penaja pelajar. Usaha ini telah melonjakkan bilangan ahli sains Melayu pada tahun 90an. Kegigihan dan etika kerja Noramly menyebabkan kerajaan berkeyakinan dengan kebolehan beliau memimpin berbagai-bagai organisasi hingga dapat bekerja di Bangsa-bangsa Bersatu dalam bidang Sains Nuklear. Dalam pada itu, beliau mempunyai hobi mengambil foto flora dan fauna di alam semula jadi. Buku ini merakamkan pengalaman bersama Noramly oleh 40 orang yang terdiri daripada rakan sekerja, murid, kakitangan serta kenalan. Buku terbitan LESTARI UKM. Mengandungi 202 ms. @RM50.00. Untuk mendapatkan buku ini boleh berhubung dengan Prof Emeratus Dato Dr Laily bin Din +60 12-322 3024

PELANCARAN BUKU
KOLEKSI CERITA SITI DAN KOLAM TEDUH BIRU
Sasterawan Negara
DATUK DR. SITI ZAINON ISMAIL
 5 Jun 2022 (Ahad)
 2.00 petang
 Pentas Utama Pusat Dagangan Kuala Lumpur

Books shown: *Rumah Semut Kuala Abai*, *Kolam Teduh Biru*, *Kampung Patah Kelapa*, *Mimpi Si Ikan Kaloi*, *Kebun Rano-Rano*

MAKLUMAT UMUM

Sekiranya pada bila-bila masa dan tempat anda berada, tetiba anda mengalami masalah bateri kereta, boleh hubungi BATERIKU.com 011 1600 600 8. Boleh layari website mereka Bateriku.com. Mereka mempunyai banyak cawangan di serata tempat di semenanjung. Beritahu di mana anda berada, jenis kereta, model bateri (kalau boleh ambil gambar), kedudukan bateri (kanan or kiri). Tanya cara bayaran (jika anda tidak punyai wang tunai).

SUDUT SENI

Nasihat Raja Ali Haji kpd kita semua, yang disampaikan melalui Gurindam 12, walaupun ringkas tetapi amat bermakna kepada kita semua.

"Barang siapa mengenal Allah,
Suruh dan tegahnya tiada ia menyalah"

"Dengan bapa jangan derhaka,
Supaya Allah tidak murka".

"Dengan ibu hendaklah hormat,
Supaya badan dapat selamat".

"Dengan anak janganlah lalai,
Supaya boleh naik ke tengah balai".

(Dalam Harun Mat Piah. Puisi Tradisional Melayu: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi. Tahun terbit 1989. Hal: 319 dan 321. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sidang editor Buletin

Dr. Misran Rokimin
Puan Salmah Kasmani

AJK Penerbitan

Dr Misran Rokimin (Ketua)
Dato' Harun Bintang
Sdr. Abd. Raai bin Osman
Puan Salmah Kasmani